

# ICAF'15 cungkil bakat seni pelajar

Oleh Noor Azlina Zainudin  
azlina.z@bh.com.my

Bangi

**F**estival Kesenian Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2015 (ICAF'15) yang diadakan di Panggung Seni Dewan Canselor Tun Razak, baru-baru ini, berjaya melahirkan generasi muda lebih berketerampilan dan memiliki keyakinan tinggi menggunakan pendekatan seni budaya.

Festival yang menjadi acara tahunan anjuran Pusat Kebudayaan dengan kerjasama urus setia Artisukma UKM sejak tahun 2010, kali ini berjaya menarik penyertaan 1,300 peserta yang mewakili 12 kolej kedua dalam UKM.

Pegawai Kebudayaan UKM, Siti Syarina Abdul Khalid, berkata kolej terbaik ialah Kolej Dato' Onn, Kolej Tun Hussein Onn, Kolej Aminuddin Baki, Kolej Ungku Omar, Kolej Burhanuddin Helmi, Kolej Ibrahim Yaakub, Kolej Bahim Kajai, Kolej Ibu Zain, Kolej Tun Syed Nasir, Kolej Tun Dr Ismail, Kolej Keris Mas dan Kolej Pendeta Za'aba.

"Sebanyak lapan pertandingan membabitkan seni tari, seni muzik dan seni lakon diadakan bagi memilih pelajar berpotensi untuk mewakili universiti ke pertandingan peringkat lebih tinggi.

## Platform terbaik

"Pertandingan terbabit adalah koir, tarian kontemporari, tarian cindian, dikir barat, band, lagu ketuhanan, tarian negeri-negeri Malaysia dan teater," katanya.

## INFO

### Keputusan Pertandingan

- Johan Keseluruhan: Kolej Pendita Za'aba
- Pertandingan Koir: Kolej Tun Syed Nasir
- Pertandingan Tarian Kontemporari: Kolej Aminuddin Baki
- Pertandingan Tarian Cindian: Kolej Rahim Kajai
- Pertandingan Maghzi Dikir SOKMO (Dikir Barat): Kolej Tun Hussein Onn
- Pertandingan Band: Kolej Burhanuddin Helmi
- Pertandingan Lagu Ketuhanan: Kolej Ibrahim Yaakub
- Pertandingan Tarian Negeri-Negeri Malaysia: Kolej Pendeta Za'aba
- Pertandingan Teater: Kolej Ibrahim Yaakub



Pertandingan tarian Cindian berjaya menarik perhatian pelajar pelbagai bangsa.

Siti Syarina berkata, festival berkenaan juga dianggap platform terbaik kepada pelajar untuk mencungkil bakat dan mempersembahkan kebolehan mereka sekaligus merapatkan hubungan antara satu sama lain.

## Sambutan menggalakkan

"Sambutan diterima sangat menggalakkan dari segi penyertaan dan penonton, malah ramai mahasiswa Tahun Satu turut tampil memaparkan bakat dimiliki.

"Pemenang akan diserap sebagai Artisukma UKM untuk digalip serta dibimbing secara teori dan praktikal untuk membuat persembahan di luar kampus atau menyertai pertandingan antara universiti awam.

"Secara tidak langsung, ICAF juga satu daripada usaha UKM untuk mempertahankan budaya warisan bangsa agar tidak luput ditelan zaman selain usaha merakatkan seni budaya dalam kalangan warga kampus," katanya.



Siti Syarina Abdul Khalid



Kolej Keris Mas mempertaruhkan teater bertajuk *Buruk Cantik Si Ayam Itik*.



Aksi menarik peserta pertandingan tarian kontemporari.